

14 APR 2000

G77-Program

SARANAN MALAYSIA BAGI PEMBAHARUAN SISTEM KEWANGAN DUNIA DITERIMA G-77

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 14 April (Bernama) -- Saranan Malaysia bagi pembaharuan dalam sistem kewangan antarabangsa dijangka akan diterima oleh sidang kemuncak selatan Kumpulan 77 (G-77) yang akan berakhir di sini pada Khamis.

Menurut deraf Program Tindakan 18 muka surat yang disediakan, para pemimpin negara-negara membangun yang menghadiri sidang kemuncak pertama tiga hari itu di sini, berkemungkinan akan memberi persetujuan terhadap perlunya diwujudkan satu Struktur Kewangan Antarabangsa (IFA) yang baru.

Para penganalisis politik berkata keputusan itu merupakan satu "kemenangan" bagi Malaysia yang bersungguh-sungguh mendesak pengwujudan satu IFA baru selepas ekonomi negara dihancurkan oleh manipulator wang dua tahun lepas.

Krisis kewangan Asia pada 1997 membuatkan berjuta-juta orang kehilangan pekerjaan sementara negara-negara menjadi miskin dalam sekejap.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berucap pada sidang kemuncak itu pada Rabu berkata adalah satu kesilapan sekiranya negara-negara yang lemah dan miskin diketepikan daripada menyertai proses globalisasi.

Dr Mahathir berkata pandangan negara-negara membangun patut diambil serius dalam penggubalan sistem kewangan dan ekonomi antarabangsa.

Deraf Program Tindakan itu menyatakan bahawa para pemimpin akan bekerja ke arah pembaharuan dalam IFA dan menangani isu-isu pembiayaan bagi pembangunan dan kestabilan sistem itu termasuk perlunya untuk mengawal dana lindung nilai dan institusi yang menanggung hutang yang banyak.

Mereka juga perlu berusaha ke arah mengukuhkan sistem amaran awal bagi menyediakan keupayaan tindak balas yang lebih baik bagi membantu negara-negara menangani kecemasan dan merebaknya krisis kewangan.

"Para pemimpin bersetuju untuk menyokong pembaharuan dan pengwujudan satu struktur kewangan baru yang menjamin penyertaan negara-negara membangun dalam membuat keputusan dasar ekonomi antarabangsa," menurut deraf dokumen itu.

Menurutnya para pemimpin telah memberi respons terhadap globalisasi yang dikritik Malaysia dengan pandangan menjadikannya satu proses yang memberi manfaat kepada semua negara dan penduduk.

Para pemimpin itu komited untuk secara aktif menggalakkan penyertaan negara-negara membangun dalam membuat keputusan dasar ekonomi antarabangsa dalam konteks mengglobalisasi ekonomi dunia.

Mereka akan mengadakan persidangan kumpulan penasihat peringkat tinggi yang disertai personaliti terkemuka dan para intelektual dari Selatan bagi menyediakan laporan mengenai globalisasi dan kesannya terhadap negara-negara membangun.

Mereka juga menentang penggunaan semua penyamaran langkah perlindungan seperti dalam bentuk konsep baru yang cuba mengaitkannya dengan isu-isu alam sekitar, buruh, perdagangan dan lain-lain melalui penggunaan sewenang-wenangnya langkah-langkah perdagangan dan tekanan dua hala terhadap negara-negara membangun.

Mengenai hubungan Utara-Selatan, deraf dokumen itu berkata para pemimpin dijangka akan menyatakan persetujuan untuk mengadakan perkongsian baru bagi menggalakkan konsensus terhadap isu-isu penting hubungan dan pembangunan ekonomi antarabangsa.

Ia termasuk menggiatkan semula dialog Utara-Selatan dan untuk itu mengajak pengerusi G-77 supaya mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyampaikan segera kebimbangan dan perhatian G-77 kepada rakan-rakan negara maju mereka, termasuk melalui mesyuarat Kumpulan 7/Kumpulan 8.

Para pemimpin itu juga mengambil perhatian terhadap pembesaran kegiatan perbadanan transnasional (TNCs), termasuk meningkatkan jumlah penggabungan mega di kalangan perbadanan yang boleh membawa kepada implikasi negatif terhadap ekonomi Selatan.

Mereka menggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mencadangkan langkah-langkah bagi memastikan kegiatan TNCs tidak memusnahkan struktur sosial, kebudayaan, ekonomi dan alam sekitar Selatan.

Para pemimpin G-77 itu juga bersetuju mengadakan perjumpaan lagi pada tahun 2005, menurut deraf dokumen itu.

-- BERNAMA

ES RON